



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1987**

PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2  
TAHUN 1979 MENGENAI PERKATAAN "BURUH KASAR"

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk mengeluarkan perkataan "Buruh Kasar" daripada nama-nama Majlis Bersama Kebangsaan seperti yang terdapat dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1979](#).

2. Dengan keputusan ini nama Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam Am Selain Daripada Pekerja-pekerja Kumpulan Rendah Dan Buruh Kasar dan Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Dalam Kumpulan Rendah Dan Buruh Kasar Dalam Perkhidmatan Awam yang dipakai di dalam perenggan-perenggan 2 (i) dan 2 (v) serta Lampiran "E" [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1979](#) adalah dipinda menjadi seperti berikut:

- (i) Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam Am Selain Daripada Pekerja-pekerja Kumpulan Rendah; dan
- (ii) Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Dalam Kumpulan Rendah Dalam Perkhidmatan Awam.

3. Adalah wajar perkataan "Buruh Kasar" ini juga digugurkan daripada penggunaan rasmi. Oleh yang demikian perkataan itu hendaklah digantikan dengan perkataan "Pekerja Kumpulan Rendah" dalam semua urusan rasmi.
4. Pindaan ini adalah bagi maksud meminda nama Majlis Bersama Kebangsaan dan menggugurkan perkataan "Buruh Kasar" daripada penggunaan rasmi. Pindaan ini tidak menjejaskan dasar dan skim perkhidmatan dan perjawatan yang ada sekarang.
5. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 27 April 1987.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH),  
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

*7 Oktober 1987*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Berkuasa Badan-badan Berkanun Persekutuan.

Semua Pihak Berkuasa Kuasa-kuasa Tempatan.

s. k.:

Pengerusi Pihak Pekerja,  
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi  
Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam Am.

Pengerusi Pihak Pekerja,  
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi  
Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Pelajaran.

Pengerusi Pihak Pekerja,  
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi  
Pekerja-pekerja Dalam Badan-badan Berkanun.

Pengerusi Pihak Pekerja,  
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi  
Pekeja-pekerja Dalam Kuasa-kuasa Tempatan.

Pengerusi Pihak Pekerja,  
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi  
Pekerja-pekerja Dalam Kumpulan Rendah  
Dalam Perkhidmatan Awam.